

8) RUMAH FLAT KOS RENDAH

Adun : Y.B. Tuan Cheong Kian Young (Kajang)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam kawalan terhadap penyewaan rumah Flat kos rendah kepada warga asing?

Selaras dengan Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara jangka Pendek (TLQ) dan Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) di peringkat Kerajaan Persekutuan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 14/2023 pada 31 Mei 2023 telah meluluskan Dasar Kawalan Rumah Kos Rendah/Rumah Selangorku/Rumah Mampu Milik Sebagai Penempatan Kepada Warga Asing seperti berikut:

- i. Arahan Pihak Berkuasa Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menghapuskan kacau ganggu melalui penguatkuasaan Larangan Rumah Kos Rendah/ Rumah Selangorku/ Rumah Mampu Milik kepada warga asing sebagai **PENGINAPAN/ASRAMA** memandangkan ia mengundang banyak permasalahan seperti pembuangan sampah tidak terkawal dan risiko lebih tinggi bagi penularan wabak penyakit yang boleh memberi kesan kacau ganggu komuniti.
- ii. Arahan Pihak Berkuasa Negeri kepada Pesuruhjaya Bangunan supaya menasihati Jawatankuasa Pengurusan JMB atau MC untuk membuat Undang-undang Kecil Tambahan- “Kawalan Rumah Kos Rendah/ Rumah Selangorku/ Rumah Mampu Milik Sebagai Penempatan Kepada Warga Asing” sebagai **RUMAH SEWA** melalui ketetapan Mesyuarat Agung JMB/MC untuk langkah keselamatan dan perlindungan.

Dasar Kawalan Rumah Kos Rendah/Rumah Selangorku/Rumah Mampu Milik Sebagai Penempatan Kepada Warga Asing ini boleh dimuat turun melalui laman web Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor <https://lphs.gov.my>.

- b) Adakah kerajaan bersedia menggubah undang-undang baru untuk tindakan kawalan ini?

Pada masa ini, tiada keperluan untuk Kerajaan Negeri menggubal undang-undang baru. Dasar Kawalan Rumah Kos Rendah/Rumah Selangorku/Rumah Mampu Milik Sebagai Penempatan Kepada Warga Asing memadai digunakan untuk mengawal penempatan warga asing di kawasan pemajuan terbabit selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

- c) Jabatan/Agensi mana yang seharusnya bertanggungjawab terhadap isu ini?

Pihak yang bertanggungjawab terhadap isu penyewaan rumah Flat kos rendah kepada warga asing adalah seperti berikut:

- | | |
|--|---|
| i. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor | <ul style="list-style-type: none">• Penyediaan dan mengawal selia pelaksanaan Dasar Kawalan Rumah Kos Rendah/Rumah Selangorku/ Rumah Mampu Milik Sebagai Penempatan Kepada Warga Asing |
| ii. Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor | <ul style="list-style-type: none">• Sumber maklumat pendaftaran penginapan rumah sebagai asrama pekerja warga asing• Penguatkuasaan kepada majikan di atas kegagalan mendaftarkan rumah sebagai asrama pekerja warga asing |
| iii. Jabatan Imigresen Negeri Selangor | <ul style="list-style-type: none">• Penguatkuasaan penempatan pekerja warga asing tanpa permit kerja/permit kerja tidak mengikut kawasan negeri |
| iv. Pihak Berkuasa Tempatan | <ul style="list-style-type: none">• Penguatkuasaan rumah dihuni pekerja warga asing melebihi kapasiti ditetapkan• Penguatkuasaan pengubahsuaian rumah sebagai asrama tanpa kebenaran |